

18 JUL 2003

SHAHIDAN DAKWA TERIMA UGUTAN POLITIK

KANGAR, 18 Julai (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim berkata beliau menerima ugutan politik daripada kumpulan tertentu kononnya beliau akan menerima padah selepas persaraan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Oktober ini.

"Dengan cara tak elok (mereka) buat ugutan politik kononnya lepas Oktober "jaga kamu". Saya nak bagi tahu mereka bahawa lepas Oktober, tak ada apa berlaku, kecuali pilihan raya," kata kepada pemberita di pejabatnya.

Shahidan berkata kumpulan itu bercita-cita untuk memburu kedudukan dalam politik di Perlis dengan menjadikan perubahan pucuk pimpinan parti yang bakal berlaku pada Oktober ini sebagai landasan membuat ugutan itu.

Beliau kecewa kerana nama Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bakal menggantikan Dr Mahathir sering digunakan oleh kumpulan itu untuk mengaitkan masa depannya sebagai Menteri Besar.

Shahidan, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perlis, berkata kumpulan berkenaan menggunakan nama Timbalan Perdana Menteri untuk mencari jalan singkat menonjolkan diri untuk mendapat pengaruh politik.

-- BERNAMA

AD MAI